

Prosiding RCI kes Batu Puteh, Batuan Tengah, Tubir Selatan

Keputusan semakan kehakiman Tun M ditetapkan 12 Jun

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini menetapkan 12 Jun untuk keputusan permohonan semakan kehakiman difailkan Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Hakim Datuk Amarjeet Singh menetapkan jam 8.30 pagi untuk menyampaikan keputusannya, sejam sebelum Dr Mahathir dipanggil memberi keterangan di hadapan panel RCI pada hari sama.

Perkara itu ditetapkan hakim selepas mendengar hujahan peguam bekas Perdana Menteri itu, Zainur Zakaria dan Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan yang mewakili Jabatan Peguam Negara (AGC).

Dr Mahathir memfailkan permohonan itu pada 5 Jun, menamakan Pengerusi RCI, Tun Md Raus Sharif dan Timbalannya, Tan Sri Zainun Ali sebagai res-



Dr Mahathir

ponden pertama dan kedua.

Responden ketiga hingga kelapan ialah ahli RCI, Datuk Dr Baljit Singh Sidhu, Datuk Dr Johan Shamsuddin Sabaruddin, Prof Datin Dr Faridah Jalil, Datuk Mohammed Ridha Ham Abd Kadir, Dickson Dollah dan Setiausaha RCI, Zamri Misman.

Beliau memohon perintah supaya prosiding RCI dalam pengendalian isu berkaitan kedaulatan

Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan dijalankan secara terbuka.

Beliau juga memohon perintah bagi melarang Md Raus daripada bertindak sebagai pengerusi RCI dan menghalang Baljit dan Mohammed Ridha daripada menjadi ahli RCI.

Dalam permohonan itu, Dr Mahathir turut memohon deklarasi bahawa beliau adalah individu yang terbabit atau berkaitan dengan perkara disiasat RCI di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119).

Pada prosiding semalam, Zai-

nur berhujah bahawa anak guamnya dipersalahkan dalam media sosial kerana kononnya menjual negara, justeru prosiding itu mesti didedalikan kepada umum.

"Kenapa menyembunyikan kebenaran? Kami mahu prosiding itu terbuka kepada orang ramai, bukannya diadakan secara tertutup. Ia adalah kes kepentingan awam," kata peguam itu.

Sementara itu, Shamsul membantah dengan mengatakan bahawa kuasa bagi pembentukan RCI dan pelantikan pesuruhjaya terletak pada Yang di-Pertuan Agong.

BERNAMA